

Petikan Al-Quran/Hadith

"Tahukah kamu (orang) yang mendustakan agama? Itulah orang yang mengherdik anak yatim dan tidak menganjurkan memberi makan orang miskin." - Al-Maa'uun : Ayat 1-3

"Siapa yang menimbunkan makanan untuk menaikkan harganya pada kaum muslimin, maka ia berdosa dan telah putus daripadanya perlindungan (janji) Allah dan RasulNya." - Hadis riwayat Ahmad & Al Hakim

RAYA TAHUN NIE NAK BALIK MANA ...

Sebuah catatan kisah masyarakat untuk renungan semua.....

Satu nasihat yang baik untuk anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan. Bukan senang seorang ibu nak melepaskan anak-anak yang telah dibesarkan. Hanya ibu mithali akan berbuat demikian.

Ingat, anak-anak lelaki bertanggungjawab atas ibu (then) bapa lebih dari keluarga sendiri. Ingatlah balik peristiwa seorang sahabat Rasulullah SAW yang telah mengecilkan hati ibunya sikat aje tapi balasan Allah tu.....

Dan jugak peristiwa Ashabul Kahfi. Kedua-dua peristiwa ini Allah tunjukkan bahawa tanggung-jawab ANAK LELAKI kepada ibubapanya amat besar. Sampai ke syurga.....

Peringatan juga untuk kita yang juga adalah seorang anak dan mempunyai anak-anak...

xxxxxxxxxxxxxxxx

utk para suami, baca dan renungkan....

utk para isteri ambil iktibar

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Setiap kali menjelang ramadhan tergiang-giang suara ibu yang rasanya baru saja saya dengar walaupun telah berlaku berbelas tahun. Diantara tazkirah ibu yang amat saya ingat ialah ketika bulan puasa selepas bersahor sementara menunggu waktu solat subuh ibu akan memanggil kami semua (3 orang anak perempuannya - ibu mempunyai 4 orang anak perempuan seorang dah berumah tangga dan dua orang anak lelaki) dan akan bercerita tentang kebesaran Allah dan hukum hakam dalam Islam dengan menggunakan bahasa yang amat mudah difahami walaupun ketika itu saya masih lagi bersekolah menengah rendah dan ayah pula meninggal dunia ketika usia saya tiga bulan.

Ibu : Apa yang nak ibu cakap nie....dengar baik-baik lebih-lebih lagi pada Ateh (anak no. 3) dan Acik (anak no.5). Ateh akan mendirikan rumahtangga tak lama lagi. Apabila hampir penghujung puasa dah tentu kamu suami isteri akan berbantah-bantahan untuk pulang ke kampung siapa pada hari raya pertama. Betul tak???????

Ateh & Acik : Betul....mestilah ghumah ibu dulu.....

Ibu : Dengar dulu....contohnya jika rumah kamu di Tanjong Malim, rumah ibu di Cheras dan rumah mentua kamu di Johor, rumah siapakah yang akan kamu tuju dulu?

Ateh & Acik : Ghumah ibulah....sebab dekat!

Ibu : Tidak..... ibu tidak izinkan kamu balik ke sini..... baliklah ke rumah mentua kamu dan jika mentua dan suami kamu izinkan barulah balik ke rumah ibu..... ibu tak kisah hari raya yang beberapa sekalipun.

Ateh : Mengangguk.....(tanda faham ler tue..... dia nie banyak ikut perwatakan ibu.... penyabar, bertolak ansur dan mahir dalam menjahit, sulam menyulam, memasak dan juga pandai mengurut. Diantara kami adik-beradik dialah yang paling dalam pengetahuannya dalam Islam seperti ibu juga).

Acik : Mana boleh macam tu tak aci lahhhhh.... kena gilir-gilirah baru adil. (dia nie memang kaki bangkang pun.... outspoken sikit kalau dia tak puas hati).

Ibu : Ingallah.....jika anak-anak perempuan ibu sayangkan ibu dan inginkan kebahagiaan ibu di akhirat nanti.... taatlah pada suami dan mentua kamu.....

Acik : Macam kaum h*** lak. Dah kawin tak boleh gi rumah emak bapak.

Ibu : Bukan macam tu.....Islam tu indah.....setiap anak-anak perempuan yang taat pada suami di samping mentua mereka, ibubapanya akan mendapat pahala di atas ketaatannya itu.... dan seperkara lagi.... untuk menjaga suami tidak sesusah mananye... Hanya dua perkara kalau kamu nak menundukkan suami kamu mengikut Islammm.... JAGALAH NAFSUNYA DAN JAGALAH PERUTNYA.. Insy Allah dia tak akan kemana... kalau dia melillau pun dia akan kembali kepada kamu juga. Pahala kamu ada di dalam rumah kamu tak payah bersusah payah macam kaum lelaki di luar rumah mencari pahala.

Jangan lupa dibulan Syawal ini.....

Puasa Sunat Enam Hari

Disunatkan berpuasa sebanyak enam hari dalam bulan Syawal samaada ia berpuasa penuh dalam bulan Ramadan atau tidak atau langsung tidak berpuasa sepanjang Ramadan.

Dalilnya adalah hadith Nabi s.a.w yang maksudnya: "Sesiapa yang berpuasa Ramadan dan diikuti dengan enam hari dalam bulan Syawal, maka ia seumpama berpuasa sepanjang tahun." - Hadis Riwayat Muslim.

Puasa enam hari dalam bulan Syawal boleh dilakukan berselang-seli tetapi sebaiknya dilakukan secara berturutan selepas Hari Raya pertama. Ini kerana melewatkannya akan menimbulkan rasa malas, sedangkan bersegera melakukan ibadat adalah lebih afdal.

Menurut ulama terkemudian dalam Mazhab Syafie seperti al-Khatib al-Syarbini dan Imam al-Ramli, orang yang menunaikan puasa kerana qadha', nazar atau sebagainya (selama enam hari) dalam bulan Syawal, akan memperolehi puasa sunat Syawal.

Qadha' dan Fidyah Puasa

Seseorang yang meninggalkan puasa Ramadan kerana uzur atau tanpa uzur, wajib qada' puasanya diluar bulan Ramadan.

Seseorang yang melambatkan qada' puasanya kerana uzur syarie' yang berterusan seperti ia masih musafir atau sakitnya berterusan hingga ke Ramadan tahun berikutnya dimana tiada ruang langsung untuk mengqada'kan puasa tersebut, hukumnya harus ia melewatkan qada' dan tidak wajib membayar fidyah sekalipun ia telah melangkau beberapa Ramadan. Cuma wajib keatasnya qada' bilangan hari-hari puasa yang ditinggalkan.

Ditakdirkan Allah, Ateh bernikah dengan abang ipar yang yatim piatu... Jadi setiap tahun beraya bersama ibu manakala Acik pulak masih mempunyai ibubapa mentua. Hampir setiap tahun pada hari raya puasa Acik sekeluarga akan beraya di rumah mentua di Melaka cuma pada hari keempat atau selebihnya di rumah ibu (rumah Acik di Kedah).

Dengan takdir Allah ketika saya berada di tingkatan 6 rendah, dua hari sebelum hari raya puasa Acik sekeluarga tiba di rumah ibu. Ibu terkejut tapi saya rasa..... terkejut campur gembira agaknya ibu pada masa itu. Selepas pulang dari Solat Terawih ibu duduk berbual dengan abang ipar....

Ibu : Bila kamu nak bawa isteri kamu pulang ke Melaka?

Abang ipar : Kami akan beraya di sini dan raya ke dua nanti baru balik ke Melaka (dia nie memang malu sakan dengan ibu).

Ibu : Adakah ini desakan dari isteri kamu?

Abang ipar : Tidak bu, saya izinkan keluarga saya beraya di sini.

Ibu : Bagaimana ibubapa kamu adakah mereka setuju?

Abang ipar : Mereka tiada halangan. (dalam hati saya rasa terkilan.....apalah ibu nie.... biarkan jerlah Acik nak beraya di sini).

Ibu : Izinkan ibu bercakap dalam talipon dengan emak kamu. (abang ipar bangun dan mendial no. talipon kampungnya dan menyerahkan ganggang talipon pada ibu....lama gak ibu bergayut dengan besannya). Emak kamu tak ada masalah kamu sekeluarga beraya bersama ibu di sini, (sambil menitis airmata) Terima kasih kerana membawa anak dan cucu-cucu ibu ke sini.

Apabila habis bulan Syawal seperti biasa hanya saya dan ibu saja tinggal di rumah. Sebagai anak yang bongsu dan paling rapat dengan ibu dan masih solo ketika itu, ibu mencurahkan perasaan dan berbangga kerana dapat membimbing anak-anak perempuannya kearah Islam tapi ibu amat kecewa dengan kedua-dua anak-anak lelakinya yang seperti lembu dicucuk hidung menjadi pak turut kepada isteri mereka.

Bayangkanlah menantu perempuan ibu yang sulong tidak pernah bermalam di rumah ibu apatah lagi lepas makan nak tolong basuh pinggan ke atau menolong kerja-kerja rumah yang lain....(tak boleh cerita panjang.....dah masuk bab mengumpat lak.....).

Semasa saya di tingkatan 6 atas ibu kembali ke rahmatullah membawa seribu kekecewaan di atas sikap anak-anak lelakinya.

Alhamdulillah apabila saya mendirikan rumahtangga.....masalah pulang beraya tak mendatangkan masalah pada suami kerana semua jenis cuti kami sekeluarga akan habiskan di rumah mentua saya. Saya juga salah seorang menantu yang disenangi.

Saya selalu bertanya pada diri saya sendiri.... sempurnakah sudah aku sebagai seorang menantu? Sempurnakah aku sebagai seorang isteri yang solehah?.... berjayakah aku menjadi ibu sepertimana ibuku dulu????????? Ya Allah.....berilah aku petunjuk dan pimpinlah aku ke jalan yang engkau redhai.... Aminnnnnn

Selamat menjalani ibadah puasa agar ibadah nie dapat menyihatkan iman dan fizikal kita. Wassalam

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

- Biro Penerbitan & Penerangan

Sekiranya ia melewatkan qada' puasa yang ditinggalkan hingga melangkau ke Ramadan tahun berikutnya tanpa uzur syarie: maka wajib keatasnya qada' dan fidyah (1 hari = 1 qada' + 1 fidyah). Dan sekiranya ia melampaui dua kali Ramadan atau lebih maka wajib 2 kali fidyah atau lebih iaitu bagi sehari puasa yang ia tinggalkan disamping qada' (melangkau 2 Ramadan maka 1 hari = 1 qada' + 2 fidyah).

Sunat meneyerakan qada' puasa bagi mereka yang meninggalkannya kerana uzur syarie'. Bagi mereka yang meninggalkan puasa tanpa uzur syarie' maka pendapat pertama: wajib disegerakan dan tidak boleh bertangguh; pendapat kedua: boleh dilambatkan dan ini pandangan kuat disisi ulama-ulama Mazhab Syafie di Iraq. Pendapat pertama adalah pandangan sah yang dipilih oleh Imam Nawawi.

Sunat meneyerakan qada' puasa secara berturut-turut.

Qada' puasa tidak boleh dilakukan pada hari-hari bulan Ramadan, Hari Raya Puasa, Hari Raya Korban dan Hari-hari Tasyriq.

Bagi orang yang hamil atau menyusukan anak, sekiranya ia meninggalkan puasa kerana takut ditimpa mudharat pada dirinya sendiri, wajib keatasnya qada' dan tidak wajib fidyah.

Sekiranya ia berbuca kerana takut bayi yang berada dalam kandungan atau bayi yang disusukannya ditimpa mudharat, pendapat paling jelas dalam Mazhab Syafie ialah wajib qada' dan fidyah. Wallahuallah

